

Pelajar 'berhutang' dengan masyarakat

UM 5 APR 2001

PUTRAJAYA 4 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pelajar bahawa mereka mempunyai 'hutang' dengan masyarakat yang perlu dibayar semula selepas berjaya dalam pelajaran.

Menurutnya, ini bagi memastikan semua kemudahan, persekitaran selesa dan peluang yang dinikmati oleh pelajar pada hari ini akan dapat pula dinikmati oleh generasi akan datang.

Beliau berkata, tidak ada gunanya seseorang pelajar itu dikurniakan otak yang bijak dan berpelajaran tinggi tetapi bersikap mementingkan diri sendiri sahaja.

"Kita dapat belajar kerana masyarakat telah mewujudkan suasana yang sesuai dan peluang untuk kita. Kita bersekolah, berjaya dan bekerja, semuanya ada kaitan dengan masyarakat.

"Kalau kita seorang diri, kita tidak boleh buat apa-apa. Hendak jual barang tidak boleh, hendak jadi pegawai tidak boleh, hendak jadi jurutera pun tidak boleh.

"Sebab itu kita harus selalu mengingati hutang kita kepada masyarakat dan hendaklah kita cuba membayar balik hutang tersebut," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Dengan Pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2000 di sini hari ini.

Sebanyak 207 pelajar dari seluruh negara hadir pada majlis yang dianjurkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu.

Turut hadir pada majlis itu ialah menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri dan beberapa setiausaha Parlimen.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir, Abdullah dan menteri-menteri lain duduk secara berasingan supaya dapat beramah mesra dengan pelajar terbabit.

Dr. Mahathir menambah, dengan mengingati hutang kepada masyarakat itu, pelajar juga akan bersikap rendah diri dan seterusnya akan dapat membentuk peribadi yang mulia.

"Rasa tanggungjawab dan menghargai masyarakat harus sentiasa ada dalam diri kita supaya kita boleh menjadi warganegara yang baik," katanya.

Beliau berkata, pelajar juga harus ingat bahawa generasi sebelum ini telah berusaha membina negara sehingga

menjadi sebuah negara yang aman.

Perdana Menteri menegaskan, adalah menjadi tanggungjawab mereka pula memastikan keamanan itu berkekalan untuk generasi akan datang.

"Anda mungkin tidak menyedari perkara ini tetapi apabila anda sudah mencapai umur seperti saya, anda akan melihat bahawa ramai generasi muda yang memerlukan kemudahan dan keadaan ini," katanya

Dr. Mahathir berkata, para pelajar juga harus bersyukur bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang agak kaya dan rakyatnya tidak pernah mengalami keadaan tidak cukup makan dan minum.

"Jadi kita mesti menghargai keadaan ini supaya kita dan generasi masa depan dapat sama-sama menikmati," jelasnya.

Dalam pada itu beliau berkata, kerajaan tidak akan menyalahkan mana-mana individu sekiranya mereka memilih untuk bekerja di luar negara yang menawarkan pendapatan lebih lumayan.

"Bagaimanapun ingatlah bahawa ini (Malaysia) adalah rumah anda yang telah memberikan anda banyak kemudahan dan peluang untuk belajar," katanya.

Dr. Mahathir yakin Malaysia juga mampu menjadi negara yang maju sekiranya semua pihak terutama generasi muda sanggup bekerja keras.

"Dari segi tenaga dan kepakaran, saya yakin kita tidak kekurangan dalam perkara itu," tegasnya.

Beliau juga meminta pelajar-pelajar supaya menguasai ilmu teknikal dan teknologi tinggi kerana bidang itu amat diperlukan pada masa depan.

"Dulu cukup dengan belajar sastera dan mendapat BA (*Bachelor of Arts*) dan MA (*Master of Arts*). Masa itu, orang ini layak mendapat jawatan dalam kerajaan.

"Tetapi ia tidak cukup sekarang. Kita perlukan ilmu yang khusus supaya boleh menjalankan tugas dengan berkesan," katanya.

Sementara itu Abdullah dalam ucapannya mahu semua pelajar cemerlang itu terus mempertahankan kecemerlangan mereka apabila memasuki universiti dengan muncul sebagai graduan ijazah kelas pertama.

Katanya, dengan kecemerlangan itu mereka akan memainkan peranan untuk membantu menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan mampu bersaing dengan negara maju yang lain.